

Cukai baharu mungkin diperkenal, atasi pihak terlepas

KUALA LUMPUR 5 Okt. - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi bayangan yang kerajaan mungkin akan memperkenalkan cukai baharu pada masa hadapan.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan dengan jelas jenis cukai tersebut dan hanya menegaskan yang ia tidak akan terlalu membebankan rakyat.

“Ketika ini sistem percukaian

akan diperkemaskan lagi dan kita ada agensi yang akan turut diperkemaskan.

“Selain itu, berkemungkinan terpaksa memperkenalkan cukai baharu yang tidak terlalu membebankan rakyat,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis pelancaran Wawasan Kemakmuran Bersama di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Dr. Ma-

hathir berkata, sistem cukai sedia ada ketika ini dilihat tidak tersusun sehingga menyebabkan ada pihak yang terlepas daripada membayar cukai.

Katanya, kerajaan melakukan kajian dengan agensi dan kementerian berkaitan serta tidak menolak kemungkinan untuk mewujudkan agensi khas bagi memastikan perkara tersebut dapat diatasi dengan lebih berkesan.